PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 APRIL 2015

Keluar wang KWSP kekal usia 55: PM

BH – 24/4/2015

» *Pandangan lebih 50,000 rakyat Malaysia diambil kira*

Oleh Nazura Ngah dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal pada umur 55 tahun, selepas mengambil kira pandangan lebih 50,000 rakyat Malaysia yang menyertai proses rundingan dalam talian dalam tempoh dua hari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang membuat pengumuman itu pada majlis perasmian Invest Malaysia 2015, di sini, semalam, berkata beliau sedar mengenai kebimbangan disuarakan masyarakat berhubung sebarang perubahan terhadap dana persaraan dikendalikan KWSP.

Hormati pandangan rakyat

"Kerajaan sentiasa mendengar pandangan rakyat. Adalah jelas majoriti ahli KWSP mahukan hak untuk menggunakan dana persaraan pada usia 55 tahun walaupun menyedari kepentingan simpanan persaraan pada usia 60 tahun," katanya sambil menyifatkan rundingan awam itu adalah yang terbesar pernah dijalankan.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Najib berkata, KWSP akan memastikan sebarang penambahbaikan akan hanya terpakai kepada caruman baharu sekiranya pencarum memutuskan untuk bekerja selepas umur 55 tahun.

"Ini mengimbangi harapan rakyat terhadap titik peluh mereka pada usia 55 tahun dan pada masa sama memberi perlindungan kepada mereka jika bersara pada usia 60 tahun," katanya.

KWSP sebelum ini dilaporkan sedia menimbang untuk meminda had umur yang dibenarkan bagi pencarum mengeluarkan caruman mereka daripada 55 tahun kepada usia persaraan 60 tahun dan kaji selidik bagi mendapatkan pandangan rakyat itu bermula Selasa lalu dan berakhir 5 Mei ini.

Pilihan pelaburan patuh syariah

Dalam isu berkaitan, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, inisiatif KWSP menawarkan opsyen pelaburan patuh syariah untuk ahlinya akan mewujudkan dana syariah terbesar seumpamanya di dunia.

Inisiatif itu adalah antara empat inisiatif dicadangkan KWSP bagi menambah baik skim dana pencen sedia ada.

Beliau berkata, opsyen yang akan bermula tahun 2017 itu akan memperkukuh lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju pusat kewangan Islam.

"Malaysia berada pada kedudukan lebih baik untuk memacu agenda kemapanannya," katanya.

Sementara itu, Najib menggesa semua sektor swasta meningkatkan usaha untuk memastikan lebih ramai tenaga kerja wanita menduduki jawatan penting dalam syarikat.

Inisiatif penambahbaikan 2

Gaji pokok: RM 600
Elaun: RM 300
Gaji keseluruhan: RM 900

Caruman ahli	= RM99 (RM900 x 11%)
Caruman majikan	= RM117 (RM900 x 13%)
Jumlah caruman	= RM216
Gaji pokok + elaun	= RM900
Tolak caruman ahli	= RM99
Baki (Gaji bersih)	= RM801 sebulan
Gaji keseluruhan	= RM1,017 sebulan

Syor caruman diselaras pendapatan minimum

» Potongan KWSP berdasarkan gaji RM900, RM800 boleh tingkatkan simpanan ahli

"Cadangan ini memerlukan sedikit pengorbanan oleh ahli, namun akan memberi pulangan yang lebih baik bagi jangka panjang lantaran majikan mereka juga wajib mencarum bagi pihak pekerja atas dasar gaji minimum"

Keratan akhbar isu **pengeluaran caruman KWSP** semalam.